



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 4 / 2023

PROGRAM IFTAR@KL KEMBALI LAGI DI DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 8 April 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) kembali lagi menganjurkan program Iftar @ KL yang berlangsung pada 8, 9, 15 dan 16 April 2023 bertempat di Jalan Raja, Dataran Merdeka Kuala Lumpur.

Pelaksanaan program pada tahun ini merupakan penganjuran kali ke-11 sejak tahun 2012. Uniknyanya Iftar @ KL ini adalah berkonsepkan berbuka puasa secara duduk bersila beralaskan tikar dan dihadiri oleh pengunjung termasuk pelancong asing.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengimarahkan dan memakmurkan Ramadan sebagai bulan ibadah dan keprihatinan sesama insan melalui pengisian aktiviti, merapatkan dan mengeratkan silaturrahim serta toleransi antara kaum menerusi program dan aktiviti bagi menyemarakkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa menerusi Program Pelancongan Budaya (*Culture Tourism*).

Iftar @ KL mendapat kerjasama beberapa rakan strategik iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Seni Budaya Putra serta disokong oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara rakan penganjur dalam pelaksanaan Iftar @ KL pada tahun ini adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ),

Kuala Lumpur Food Truck Entrepreneurs Association, Masjid Jamek Kampung Bharu, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Warisan Negara dan lain-lain rakan strategik.

Pada tahun ini, Iftar @ KL juga telah mendapat sokongan daripada syarikat korporat iaitu radio Suria dan penajaan daripada syarikat-syarikat terkenal iaitu Syarikat Minuman F&N, Al-Ikhlas.Com, UOB Bank Sdn. Bhd., Syarikat Faiza Sdn. Bhd., Kediamanku by Taraf Nusantara Sdn. Bhd., ADABI dan Hotel Cosmo.

Antara pengisian menarik dalam program tahun ini adalah Majlis Berbuka Puasa, Penyediaan dan Pengagihan Bubur Lambuk, Solat Berjemaah, Tadarus Al-Quran, Tazkirah Ramadan, Bicara Ramadan, Ceramah Perdana, Perkhidmatan Sukarelawan, Kaunter sumbangan, Kaunter Zakat Fitrah dan Jualan Makanan *Food Truck*.

“MOTAC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik daripada DBKL, JAWI, JAKIM, Persatuan Seni Budaya Putra serta semua rakan penganjur dan rakan penaja yang terlibat. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan media yang sudi hadir pada hari ini untuk memberi sokongan dan membantu membuat hebahan yang meluas berkaitan program ini kepada masyarakat di luar sana,” kata YB Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya semasa menghadiri Iftar@KL di Dataran Merdeka.

“Semoga gandingan dan kerjasama daripada semua pihak akan berterusan bagi menyemarakkan kegiatan kerohanian dan kesenian Islam dalam kalangan masyarakat khususnya kepada generasi muda. Penganjuran program sebegini juga merupakan tanggungjawab sosial Kementerian ini ke arah mencerminkan kerajaan Malaysia Madani,” tambah beliau lagi.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200	Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nikfadly@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 013-382 2115
---	---